

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah penerapan nilai-nilai murni dalam buku teks sains KBSM di peringkat menengah rendah diuraikan. Di samping itu kajian ini juga bertujuan melihat apakah nilai-nilai murni yang terdapat dan sejauh manakah nilai-nilai murni diterapkan dalam buku teks sains KBSM di peringkat menengah rendah. Kajian ini terbatas pada penggunaan buku teks sains menengah rendah yang diperakukan oleh Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian ini menjurus secara khusus pada dua judul buku teks sains bagi setiap tingkatan. Sebanyak enam judul buku teks sains digunakan untuk kajian ini, dan buku-buku ini masih digunakan di sekolah-sekolah kerajaan. Kajian yang dijalankan hanya tertumpu kepada dua kategori kandungan iaitu prosa dan ilustrasi. Hasil kajian pengkaji, didapati wujud taburan yang tidak seimbang dalam penerapan atau penyaluran nilai-nilai murni dalam mata pelajaran tersebut. Dapatan kajian pengkaji menunjukkan nilai-nilai murni tidak diterapkan dengan jelas dalam enam judul buku teks sains KBSM menengah rendah yang dikaji. Dapatan kajian memperlihatkan dengan jelas pada kekerapan dan perbezaan dari segi penonjolan nilai-nilai murni dalam enam judul buku teks sains KBSM menengah rendah yang dikaji. Buku teks sains KBSM menengah rendah yang dikaji memmberikan gambaran jelas bahawa penerapan nilai-nilai murni dalam prosa dan ilustrasi boleh dirumuskan sebagai amat sedikit. Keputusan juga menunjukkan penerapan nilai mengikut kekerapan nilai yang paling popular, tidak popular, dan tidak disentuh langsung. Nilai yang paling popular di Tingkatan 1 ialah nilai Kerjasama, bagi prosa, dan nilai Kesyukuran bagi ilustrasi. Di Tingkatan 2 pula ialah nilai Kasih Sayang, bagi prosa dan ilustrasi. Di Tingkatan 3 juga ialah nilai Kasih Sayang, bagi prosa dan ilustrasi. Dapatan kajian ini menunjukkan penerapan nilai yang popular didapati wujud secara tidak seimbang dari segi jumlah walaupun peratusan tidak jauh berbeza dalam buku teks sains KBSM menengah rendah. Nilai murni bukanlah satu elemen baru dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penerapan nilai-nilai murni dalam setiap mata pelajaran sangat penting, oleh yang demikian Kementerian Pendidikan Malaysia seharusnya memikirkan bagaimana mewujudkan strategi menerapkan nilai-nilai murni merentas kurikulum secara berkesan dalam penulisan buku teks. Justeru hala tuju pendidikan haruslah jelas dan sempurna.